# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG
02 MEI 2018
RABU

| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
|---|---|---|
| THE STAR | INDEPENDENTS HOPE FOR AN UPSET | 2 |
| KOSMO | LELAKI WARGA EMAS CEDERA DITOLAK DARI PENTAS | 3 |
| SINAR HARIAN | ATASI KESESAKAN LALU LINTAS | 4 |
| SINAR HARIAN | KERAJAAN JOHOR IKTIRAF SUMBANGAN MASYARAKAT SABAH | 5 |



# THE STAR

2/5/18 T/S

## Independents hope for an upset

By MOHD FARHAAN SHAH and STEVEN DANIEL
newsdesk@thestar.com.my

**PASIR GUDANG:** They don't get much share of the spotlight but independent candidates here are hoping to score major upsets in GE14 against the bigger names.

Take for example businesswoman Rohani Yaacob, attempting to beat Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, the Mentri Besar who is defending the Permas state seat.

Rohani, 34, said she was wooing the young voters to help her win.

"The other candidates are much older than me, but they do not understand the problems faced by by youths, especially employment.

"I am mature enough to join politics and I want to help create more job opportunities," she said.

As for Sey Jock, he is a 70-year-old former DAP branch leader who is also attempting to defeat Mohamed Khaled, also a candidate in the Pasir Gudang parliamentary seat.

Sey said he did not fear Mohamed Khaled, Johor PKR chief Hassan Abdul Karim or PAS' Ab Aziz Abdullah in the four-way battle.

"I will be using the symbol of a car," he said, adding he has placed his posters at various locations.

"I have been thinking about participating in GE14 since a year ago.

My family has been very supportive of my decision," he said, accusing his former party of practising favouritism in selecting candidates.

Dr Lim Yak Hong, 62, will be using a motorcycle as his campaign symbol.

"I plan to campaign on my motorcycle as I love to ride on them," he said, adding that if he wins, he hopes to solve the dengue and crime in the constituency.

Businessman Ting Choon Chai, 50, is using the key as his symbol.

Improving the poor condition of roads is among his battle cry.

"The roads here are atrocious," he said.



**Lone rangers:** (From left) Rohani, Sey and Ting bring unique causes and considerations to their platforms.

# KOSMO

Kosmo
2/5/18

## Lelaki warga emas cedera ditolak dari pentas

**PASIR GUDANG** – Pengerusi Barisan Nasional (BN) Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin kesal dengan insiden yang kekasaran yang dipercayai berlaku di Ayer Hitam, Batu Pahat kelmarin sehingga menyebabkan seorang lelaki warga emas yang juga penyokong BN cedera.

Dalam kejadian pukul 8.50 malam itu, Tan Hong Hi @Ting Hong Hi, 77, dari Taman Kota dekat Yong Peng dipercayai ditolak sehingga jatuh dari pentas ceramah oleh seorang penyokong gabungan pembangkang PKR berusia 58 tahun.

Ekoran insiden itu, mangsa mengalami keretakan tulang rusuk kiri dan ditahan kini di Hospital Sultanah Nora Ismail (HSNI), Batu Pahat untuk mendapatkan rawatan lanjut.



HONG HI diberikan rawatan di HSNI, Batu Pahat selepas mengalami kecederaan akibat ditolak dari pentas oleh seorang penyokong parti pembangkang di Yong Peng malam kelmarin.

"Ini tidak betul dan tidak wajar dilakukan apabila seorang penyokong calon pembangkang menolak orang tua jatuh dari atas pentas. Tidak perlu untuk kempen sampai sebegitu sekali.

"Kita mahu berkempen pilih wakil rakyat terbaik dan kerajaan yang akan perintah, jadi tidak perlulah guna kekerasan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyempurnakan upacara pecah tanah pelebaran Jalan Kota Masai 1 di Taman Pasir Putih di sini, semalam.

Mohamed Khaled seterusnya menasihatkan parti dan penyokong masing-masing supaya berkempen secara sihat dalam tempoh tidak sampai 10 hari ini tanpa mencetuskan sebarang provokasi.



# SINAR HARIAN

S/H 2/5/2018

## Atasi kesesakan lalu lintas

*Jalan Kota Masai 1-Taman Pasir Putih dilebarkan dengan kos RM9.1 juta*

SHAFIQ TINO

**PASIR GUDANG**

Projek pelebaran Jalan Kota Masai 1-Taman Pasir Putih, di sini, yang sedang dibangunkan kini diyakini mampu meningkatkan lagi kebolehcapaian laluan pengguna jalan raya khususnya di kawasan Pasir Gudang dan sekitarnya.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, projek yang menelan belanja kira-kira RM9.1 juta itu juga dibangunkan bagi memberikan kemudahan orang ramai di sekitar kawasan tersebut sekali gus mengelakkan berlakunya kesesakan lalu lintas.

Menurutnya, ia juga berikutan naik taraf diperlukan oleh jalan tersebut setelah melihat kepada pembangunan strategik yang sedang dibangunkan dengan pesat di kawasan tersebut (Kota Masai dan Taman Pasir Putih).

"Semua ini adalah untuk tujuan bagi kita meningkatkan lagi kebolehcapaian (*accessibility*) Pasir Gudang dan kawasan sekitarnya. Ia juga untuk meningkatkan lagi kemudahan masyarakat yang tinggal sekitar sini dalam mereka menggunakan jalan raya dan sebagainya.

"Jika kita tidak merangka dan merancang untuk membuat projek ini dengan pertumbuhan yang pesat, ia akan mengakibatkan kesesakan. Ada laluan ini membolehkan pengguna mempunyai alternatif lain serta boleh berlaku penguraian trafik," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Projek Pelebaran Jalan Kota Masai 1, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi BN Tebrau, Datuk Maulizan Bujang dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), Hasrin Kamal Hashim.



**Mohamed Khaled (kiri) menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Projek Pelebaran Jalan Kota Masai 1, semalam.**

Jalan Kota Masai 1 merupakan akses yang menghubungkan Taman Kota Masai dan Taman Pasir Putih yang menjadi laluan penduduk sekitar Pasir Gudang ke kawasan pusat bandar serta kawasan perindustrian Pasir Gudang.

Projek pelebaran seluas satu kilometer ini akan dibangunkan dengan kerjasama tiga pemaju membabitkan Eco Tropics Development Sdn Bhd, Grand View Realty Sdn Bhd dan Mahsing Properties Sdn Bhd dengan kawalan MPPG.

> **info** Jalan Kota Masai 1 merupakan akses yang menghubungkan Taman Kota Masai dan Taman Pasir Putih

Sementara itu, Mohamed Khaled berkata, selari dengan pembangunan tersebut sebuah lagi projek iaitu pembinaan laluan dari Jalan Kota Masai menuju terus ke persimpangan Lebuhraya Senai Desaru (SDE) juga sedang giat dijalankan dan dijangka siap Julai ini.

Katanya, laluan itu pertambahan jarak sejauh 450 meter lagi yang mana akan terus menghubungkan Jalan Kota Masai 1-Taman Pasir Putih kepada persimpangan masuk Lebuhraya Senai Desaru.

"Jalan ini menelan belanja RM12 juta. Ia akan memudakan pengguna khususnya yang mahu pergi bekerja di kawasan perindustrian Tanjung Langsat. Selepas ini mereka tidak perlu lagi memasuki kawasan pusat bandar dan boleh terus memintasnya di sini," katanya.



# SINAR HARIAN

RABU 2 MEI 2018 • SINAR HARIAN

HUBUNGI SKUAD SENTRAL: MOHD FIRDAUS YON - 019-7906796

## Kerajaan Johor iktiraf sumbangan masyarakat Sabah

**JOHOR BAHRU** — Masyarakat Sabah telah banyak menyumbang kepada pembangunan di Johor terutama kepada kepesatan kawasan industri di Pasir Gudang.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, kerajaan negeri mengiktiraf peranan dan sumbangan besar masyarakat Sabah terhadap pembangunan di negeri ini.

"Ramai dalam kalangan mereka ini bekerja di sektor-sektor perkilangan dan mustahil Pasir Gudang mencapai kejayaan yang dicapainya kini tanpa peranan penting orang Sabah," katanya dalam Majlis Ramah Mesra Masyarakat Sabah di Taman Bukit Dahlia, di sini, kelmarin.

Menurutnya, kerajaan negeri begitu prihatin dengan kebajikan dan kesejahteraan masyarakat negeri lain di negeri ini dengan memastikan setiap lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang mereka mendapat pembelaan yang selayaknya.

"Keadaan masyarakat Sabah di negeri ini telah jauh berbeza jika dibandingkan dengan 20 atau 10 tahun dahulu.

"Dahulu masyarakat Sabah tidak diberikan perhatian tetapi selepas saya menjadi menteri besar, sedikit demi sedikit semua itu berubah. Jadi jangan biarkan mereka (pembangkang) yang tidak pernah muncul selama ini, mempengaruhi kita," katanya.

Pengerusi BN Johor itu juga menyeru masyarakat Sabah untuk terlibat secara bermakna dan berkesan di dalam BN bagi memastikan lebih banyak pembelaan dapat diberikan kepada kumpulan masyarakat berkenaan.

"Jumlah pengundi masyarakat Sabah (di Johor) ada lebih kurang 2,000 sahaja, walaupun jumlah ini tidak besar seperti jumlah masyarakat yang lain tetapi saya akan terus membela nasib masyarakat Sabah dan bertindak sebagai wakil kepada orang-orang Sabah yang ada di Pasir Gudang," katanya.


MOHAMMED KHALED

Dalam pada itu, Ketua Masyarakat Sabah, Ibrahim Taib berkata, kerajaan negeri yang dipimpin oleh Mohamed Khaled sentiasa terlibat dan prihatin dengan perkembangan dan kesejahteraan masyarakat Sabah yang berada di dalam negeri ini dalam memastikan keinginan mereka juga terlaksana.

"Belum pernah ada menteri besar yang memberi pengiktirafan kepada peranan dan kepentingan masyarakat Sabah sepertimana dilakukan (Datuk Seri) Mohamed Khaled dan beliau juga sentiasa bersama dengan kita dan tidak pernah menolak apa jua kehendak masyarakat kita," katanya.

Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada Mohamed Khaled di atas keprihatinan kerajaan negeri kepada masyarakat Sabah selama ini dan akan memastikan undi masyarakat Sabah untuk penyandang kerusi Dun Permas itu yang juga akan bertanding untuk Parlimen Pasir Gudang, sebagai tanda terima kasih masyarakat itu. — *BERNAMA*

# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

## KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

03 MEI 2018
KHAMIS

| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
|---|---|---|
| SINAR HARIAN | PENGUNDI PASIR GUDANG BAIK, TERBUKA | 2 |
| BERITA HARIAN | MB JOHOR TEKAD PERTAHANKAN PASIR GUDANG KERUSI BN | 3 |
| KOSMO | IBU MUDA CEMAS DUA ANAK DILARIKAN BERSAMA KENDERAAN | 4 |



# SINAR HARIAN

## Pengundi Pasir Gudang baik, terbuka

3/5/18

**JOHOR BAHRU** - Sambutan masyarakat dan pengundi terhadap calon BN khususnya di Parlimen Pasir Gudang sangat baik dan terbuka.

Calon BN bagi kerusi Parlimen Pasir Gudang, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, kelompok tersebut menunjukkan kesediaan bukan sahaja untuk memberi sokongan malah menawarkan diri sebagai sukarelawan kepada BN.

"Ramai yang terang-terang memakai baju gambar calon atau BN. Mungkin kerana di Pasir Gudang ini mereka merasakan dalam masa lima tahun ini banyak perubahan yang telah berlaku.



**Mohamed Khaled Nordin beramah mesra dengan murid Tabika Kemas Parlimen Pasir Gudang.**

"Mereka sendiri berasa manfaatnya dan ini masa untuk mereka menghargai. Saya percaya mereka sebahagian besarnya berkehendakkan kepada usaha yang berterusan sebegini," katanya selepas bertemu dengan penduduk di Rumah Pangsa Laman Tasik Pandan, di sini, semalam.

Mohamed Khaled berkata, masyarakat khususnya pengundi di Parlimen Pasir Gudang mahu BN bersama mereka untuk mendepani cabaran yang timbul bagi memajukan negeri ini.

Beliau berkata, masyarakat khususnya pengundi di Parlimen berkenaan melihat BN sebagai gabungan parti yang sarat dalam melaksanakan pelbagai usaha, sekali gus boleh bantu mereka berhadapan dengan cabaran.

PRU14 #kuasarakyat



BERITA HARIAN

# MB Johor tekad pertahankan Pasir Gudang kerusi BN

3/5/18

**JOHOR BAHRU** – Meskipun Parlimen Pasir Gudang menjadi kerusi tumpuan pembangkang berikutan Barisan Nasional (BN) menang dengan majoriti kecil sebanyak 935 undi pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) namun ia tidak menggentarkan calon BN, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Pada PRU kali ini, Mohamed Khaled akan bertanding dalam pertembungan empat penjuru dengan tiga calon lain iaitu Ketua Parti Keadilan Rakyat (PKR) negeri, Hassan Abdul Karim; calon Pas, Ab. Aziz Abdullah dan calon Bebas, Sey Jock.

Mohamed Khaled yang juga Menteri Besar Johor berkata, sebagai Pengerusi BN negeri, beliau boleh memilih mana-mana kerusi yang lebih selamat namun tetap memilih Parlimen tersebut kerana setia kepada pengundi di situ.

"Pasir Gudang ini dekat dengan hati, saya berasal di sini dan merupakan Ketua UMNO Bahagian. Jadi saya menyambut cabaran untuk bertanding di kerusi tumpuan pembangkang.

"Bagi saya pengundi di sini mahukan perancangan pembangunan dan kemajuan masa depan yang berterusan untuk membantu mereka menangani masalah kos sara hidup," katanya ketika ditemui berkempen di Flat Laman Tasik, Taman Redang di sini semalam.

Untuk rekod, Mohamed Khaled merupakan wakil rakyat bagi dua penggal di Parlimen Pasir Gudang pada PRU-11 dan PRU-12, namun pada PRU lalu, beliau bertanding untuk kerusi Dewan Undangan Negeri Permas sebelum menang dan dilantik sebagai Menteri Besar Johor.



MOHAMED KHALED (tengah) bergambar bersama sebahagian penduduk Flat Laman Tasik di Taman Redang, Johor Bahru semalam.

**INFO Parlimen Pasir Gudang**

**Jumlah Pengundi: 124,172**

1. Ab. Aziz Abdullah (Pas)
2. Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin (BN)
3. Sey Jock (Bebas)
4. Hassan Abdul Karim (PKR)

Penyandang: Datuk Normala Abdul Samad (BN)

Majoriti: **935** (PRU-13)

# KOSMO





DUA kanak-kanak yang dilarikan seorang pencuri bersama kenderaan milik ibu mereka ditemui selamat di Johor Bahru semalam.



PERBUATAN seorang wanita meninggalkan dua orang anaknya di dalam kenderaan yang tidak berkunci ketika membeli barang di sebuah kedai serbaneka menyebabkan mereka dilarikan selama 20 minit di Taman Kota Masai, Pasir Gudang, Johor Bahru semalam.






## Ibu muda cemas dua anak dilarikan bersama kenderaan

**JOHOR BAHRU** – Seorang wanita berdepan detik cemas apabila dua orang anaknya nyaris dilarikan bersama kenderaan miliknya di hadapan sebuah kedai serbaneka di Jalan Tembikai di Taman Kota Masai, Scientex, Pasir Gudang dekat sini semalam.

Dalam kejadian pukul 7.45 pagi itu, wanita berusia 32 tahun berkenaan dipercayai keluar dari kenderaan untuk membeli barang di kedai serbaneka.

Ibu muda itu bagaimanapun meninggalkan dua orang anak lelakinya berusia lima dan enam tahun di dalam kenderaan pelbagai guna jenis Honda Odyssey.

Ketua Polis Daerah Seri Alam, Suprintendan Jokhiri Abd. Aziz berkata, kenderaan itu ditinggalkan dalam keadaan enjin masih hidup dan pintu tidak terkunci sebelum dilarikan seorang individu.

"Kenderaan itu dilarikan sebelum dijumpai semula hampir 20 minit kemudian kira-kira 600 meter dari lokasi kedai serbaneka terbabit.

"Dua kanak-kanak yang terlibat juga masing-masing dijumpai dalam keadaan selamat tanpa sebarang kecederaan di dalam kenderaan terbabit," katanya di sini semalam.

Menurut Jokhiri, susulan daripada kejadian itu, usaha bagi mengenal pasti suspek yang terlibat sedang giat dijalankan.

"Siasatan masih lagi dijalankan dan sehingga kini masih belum ada sebarang tangkapan dibuat," katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 363/379A Kanun Keseksaan iaitu melarikan orang dan mencuri kenderaan dan juga kesalahan di bawah Seksyen 33 Akta Kanak-Kanak 2001.

Dalam pada itu, beliau menasihatkan orang ramai agar tidak meninggalkan anak-anak di dalam kenderaan dengan enjin hidup dan kunci ditinggal di dalam kenderaan.

"Polis memohon kerjasama orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat mengenai kejadian ini agar tampil membantu siasatan polis atau menyalurkan maklumat ke Balai Polis berhampiran.

"Orang ramai juga boleh menghubungi talian Hotline Polis Kontinjen Johor di talian **07-221 2999** atau melalui Hotline Polis Ibu Pejabat Polis Daerah Seri Alam di talian **07-386 4222**," katanya.



# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

## KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

06 MEI 2018
AHAD

| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
|---|---|---|
| THE STAR | JOHOR BARISAN GOVT AN INCLUSIVE ONE, SAY MENTERI BESAR | 2 |
| NEW STARITS TIMES | ‘CERAMAH OUTSIDERS DON’T TRANSLATE INTO LOCAL SUPPORT’ | 3 |
| SINAR HARIAN | TAKTIK RAIH SOKONGAN RAKYAT | 4 |
| BERITA HARIAN | PENYOKONG PEMBANGKANG BUKAN ORANG TEMPATAN | 5 |



# THE STAR

## Johor Barisan govt an inclusive one, says Mentri Besar

6/5/2018
STAR

By STEVEN DANIEL
stevend@thestar.com.my

**PASIR GUDANG:** The Johor Barisan Nasional government is a caring government which looks after the welfare of the people, including those from other states who are living here, says Mentri Besar Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

"We are an inclusive and fair government which cares for all, even those who are not born in Johor, as long as they contribute in some way to Johor's economy.

"Some people questioned me on why I helped set up a Pasar Muafakat Sabah here. I did that because many Sabahans have been living and working here for more than 15 years.

"Their children are even born here, and their MyKid have the number 01 (Johor). The Sabah community here have contributed to the state's success as others have too," he said after attending the ground-breaking ceremony of the Pasir Gudang Indian community hall near here yesterday.

Mohamed Khaled advised the Indian voters in Johor to avoid being tricked by the Opposition.

"They (Opposition) make all sorts of promises to get their votes, but after winning, nothing was done for them," he added.

On another matter, Mohamed Khaled said photos of large crowds attending certain Opposition *ceramah* did not necessarily translate to actual votes.

"Each Opposition candidate in a state has his own group of followers. When you bunch up all their candidates and their national Opposition leaders, of course there will be a large crowd," he said on photographs of the audience at the Pakatan Harapan *ceramah* in Melaka on Friday, which was attended by Tun Dr Mahathir Mohamad.

"I hear they (Pakatan) are planning to hold a similar event of that size in Johor before May 9. But don't be fooled even if there is a crowd numbering in the thousands," he said.

Mohamed Khaled also commented on Dr Mahathir's presence at a Pakatan ceramah in Putrajaya on Friday.

He said 90% of the crowd was Chinese.

"But in the Election Commission's records, there are only about 1,000 eligible Chinese voters there. Don't believe all the Opposition lies that the (Barisan) Government will fall," he said.

Mohd Khaled also said that if the Opposition loses again in this election, their leaders will be claiming that Barisan cheated.

# NEW STRAITS TIMES

NST
6/5/2018

'TACTIC'

## 'Ceramah outsiders don't translate into local support'

**PASIR GUDANG:** The tactic of bringing outside supporters to accompany senior opposition pact leaders during the 14th General Election (GE14) campaign period cannot be translated as support coming from the local community.

Johor Mentri Besar Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin said this was because the presence of such supporters was not made up of local support or voters.

Instead, the supporters came from places nationwide to attend programmes conducted by the opposition

"In fact, if all the leaders are present, many will come.

"Each has its own group. It does not put a dampener on the spirit of Barisaan Nasional as we know that our support is there and secure, more so in Johor.

"I believe each area has its own dynamics," he said after conducting the groundbreaking for a hall, for the Indian community here yesterday.



*Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin*

He was commenting on the effort undertaken by the opposition pact to bring together their senior leaders to a GE14 campaign in Melaka on Friday.

Khaled, who is Johor BN chairman, said a clear picture could be seen from the close rapport enjoyed between elected representatives and their constituents.

He said such a rapport could not be built in 10 days, nor could it be faked, instead it was a true relationship.

"In the five years that I had been an elected representative, I have met the people and understand what are their needs, problems and the challenges. And, how to overcome them.

"We should not merely be talking big about national issues but no work is done in the local area. We (current government) are offering ourselves not only for national issues but also for local issues, which we champion and take care.

"I have said this before, the opposition has placed nomad candidates, transit candidates... the aim is to get a seat, not to serve.

"Any areas which is undergoing development and progress will face various challenges, among them poverty in urban areas, we (leaders) must have the ability to resolve such problems in the right way, apart from holding empowerment programmes," he said.



SINAR HARIAN

6/5/2018
2/H

# Taktik raih sokongan rakyat

*BN dakwa pembangkang guna pemimpin tertinggi mereka sebagai modal untuk berkempen*

SHAFIQ TINO

PASIR GUDANG

Sambutan luar biasa yang diterima pembangkang ketika melakukan kempen PRU14 kali ini tidak menterjemahkan sokongan rakyat kepada mereka.

Pengerusi BN Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin mendakwa, perkara itu berlaku kerana pembangkang guna taktik bawa pemimpin tertinggi sebagai modal untuk kempen mereka.

Menurutnya, perkara itu akhirnya akan mengakibatkan kedatangan pengundi dari seluruh pelusuk negara berbanding orang tempatan.

"Memanglah kalau dah semua pemimpin ada, ramai yang akan datang kerana masing-masing ada kumpulannya.

"Namun ia tidak mematahkan semangat BN kerana kita tahu kita punya sokongan masih lagi terpelihara terutamanya di Johor.

"Saya percaya setiap kawasan memiliki dinamik masing-masing," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai sambutan luar biasa diterima kempen Pakatan Harapan (Harapan) di Melaka, kelmarin.



Mohamed Khaled (tengah) ketika menyempurnakan gimik pelancaran Majlis Pecah Tanah Dewan Masyarakat India Pasir Gudang, semalam.

Katanya, bukti jelas sambutan luar biasa bukan sokongan rakyat dapat dilihat menerusi hubungan rapat antara wakil rakyat tempatan dengan masyarakat.

"Sepanjang lima tahun jadi wakil rakyat, memang setiap hari saya jumpa dengan masyarakat dan faham serta tahu apa kehebatan, kekurangan, masalah dan cabaran yang mereka hadapi serta cara bagaimana nak atasinya.

"Kita jangan hebat cakap hal nasional tapi satu pun kerja tak jalan di kawasan sendiri.

"Kita menawarkan diri bukan hanya untuk hal nasional tetapi hal orang tempatan yang kita jaga dan perjuangkan," katanya.

Justeru itu, beliau berkata, rakyat perlu bijak memilih kerana sejak sekian lama mereka pembangkang hanya mahu merebut kerusi dan tidak menyediakan perkhidmatan.

"Selalu saya kata, pembangkang meletak calon nomad serta calon transit sebab matlamat mereka hanya untuk dapat kerusi dan bukan memberikan perkhidmatan.

"Sebagai peminpin kita mesti mempunyai kemampuan untuk menyelesaikan apa masalah yang terbaik selain mengadakan program pengupayaan," katanya.

**info** Yakin sokongan terhadap BN masih terpelihara di Johor.



# BERITA HARIAN

## Penyokong pembangkang bukan orang tempatan

[FOTO NURUL AMANINA SUHAINI/BH]



***Mohamed Khaled mendengar penerangan** selepas menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Dewan Masyarakat India Pasir Gudang, semalam.*

**Pasir Gudang:** Taktik membawa penyokong luar menghadiri program bersama pemimpin tertinggi pembangkang pada kempen Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) tidak menterjemahkan sokongan terhadap parti itu.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata ia kerana penyokong yang hadir bukan orang tempatan, sebaliknya dari pelosok negara yang ingin mendengar kempen daripada pemimpin pembangkang.

### BN tak patah semangat

"Memang kalau sudah semua pemimpin ada, ramai yang datang. Masing-masing ada kumpulannya. Walaupun begitu, ia tidak mematahkan semangat Barisan Nasional (BN) kerana kita tahu, kita punya sokongan masih terpelihara, masih ada, terutama di Johor.

"Saya percaya setiap kawasan ada dinamik masing-masing," katanya selepas menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Dewan Masyarakat India Pasir Gudang di sini, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai usaha dijalankan pakatan pembangkang yang membawa pemimpin utama bagi menghadiri kempen PRU-14 di Melaka, kelmarin.

Mohamed Khaled yang juga Pengerusi BN Johor berkata, pandangan yang jelas dapat dilihat menerusi hubungan rapat antara wakil rakyat tempatan dengan masyarakat.

Katanya, hubungan kemuafakatan itu bukan terjalin dalam 10 hari, bukan yang dibuat-buat atau pura-pura, sebaliknya adalah hubungan yang tulen.

### Pilih calon buat kerja

"Sepanjang lima tahun sebagai wakil rakyat, memang setiap hari saya jumpa dengan masyarakat dan faham serta tahu apa kehebatannya, kekurangannya, masalahnya, cabarannya. Bagaimana nak atasi semua ini.

"Jadi di sini sebenarnya kalau kita nak pilih wakil rakyat, kita jangan hebat cakap hal nasional, tetapi satu pun kerja tak jalan di kawasan itu.

"Kita (kerajaan sedia ada) menawarkan diri bukan hanya untuk hal nasional, tetapi hal orang tempatan.

"Selalu saya kata, pihak pembangkang meletak calon nomad, calon transit, matlamatnya untuk dapat kerusi, *not to serve* (bukan memberikan perkhidmatan).

"Mana-mana kawasan yang berhadapan dengan kemajuan dan perkembangan ekonomi akan hadapi pelbagai cabaran, antaranya cabaran kemiskinan dalam kawasan bandar, kita (pemimpin) mesti mempunyai kemampuan untuk menyelesaikan masalah yang terbaik, selain mengadakan program pengupayaan," katanya.



# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG
07 MEI 2018
ISNIN

| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
|---|---|---|
| NEW STRAITS TIMES | TAKE TIME TO VOTE, CIVIL SERVANTS TOLD | 2 |
| NEW STRAITS TIMES | 'NO FAITH' IN PARTY LEADERSHIP | 3 |
| SINAR HARIAN | BINA PPR ATASI MASALAH SETINGGAN | 4 |



# NEW STRAITS TIMES

7/5/2018
NST



*Chief Secretary to the Government Tan Sri Dr Ali Hamsa (left) greeting students at SJK(T) Pasir Gudang's Sports Day on Sunday.*
PIC BY NOR AZIZAH MOKHTAR

'CHOOSING THE BEST GOVT'

## Take time to vote, civil servants told

**PASIR GUDANG:** Public sector employees have been urged to exercise their rights and vote in the 14th General Election on Wednesday.

Chief Secretary to the Government Tan Sri Dr Ali Hamsa said the election was the time to choose the best government to represent them.

"This election, we hope public sector staff take the time to vote in their constituencies. As Malaysians, they have the right to choose. Cast your vote responsibly," he said after launching SJK(T) Pasir Gudang's Sports Day on Sunday.

On claims that government employees were not free to choose their representatives on polling day, Ali said no instruction was issued to compel them to vote for certain parties.

He said he would be doing the rounds nationwide to convey the government's messages and visit retirees.

"We want to inform employees about the country's development, efforts carried out by the government and benefits enjoyed by its staff.

"It is important for them to know this and appreciate benefits that we have been receiving. The government strives to fulfil the people's needs, including those working in the public sector."

At the event, Ali announced a RM115,000 allocation from the National Association of Wives of Civil Servants and Women Civil Servants (Puspanita) for the school's sports development, repair work and financial aid for underprivileged pupils.

He was accompanied by his wife, Puan Seri Rohani Abdullah, who is the president of Puspanita.



# NEW STRAITS TIMES

MONDAY, MAY 7, 2018 . NewStraitsTimes

Nation / NEWS | 25

'HIDDEN AGENDA BEHIND NAMING OF CANDIDATES'

## 'NO FAITH' IN PARTY LEADERSHIP

30 Pasir Gudang PPBM members demand resignation of Muhyiddin, 2 others

MOHD FAHMI MOHD YUSOF
**PASIR GUDANG**
mohdfahmi@nstp.com.my

GE14
#jomundi



*Pasir Gudang division executive secretary Norzri Mokhtar (seated, third from left) at a press conference in Bandar Seri Alam, Pasir Gudang, yesterday.* PIC BY MOHD FAHMI YUSOF

SOME 30 Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) members here have demanded that the party's national and state leadership resign immediately.

Led by Pasir Gudang division executive secretary Norzri Mokhtar, the group said president Tan Sri Muhyiddin Yassin, secretary-general Datuk Shahruddin Md Salleh and state secretary Datuk Osman Sapian must resign.

He said they had lost faith because of two issues — the failure of division chief Dr Hashim Yusoff to be named as a candidate in the 14th General Election and the alleged hidden agenda behind the party's strategy in naming candidates.

"As the division's executive secretary, I have worked hard with my colleagues to raise the party's name since September 2016, before Dr Hashim joined us. He worked with us non-stop, but his name was rejected by the leadership.

"The second thing is the strategy used by the state leadership.

"In the division chiefs meeting, it was agreed that they will contest in their respective divisions and that there will be no parachute candidates but now, what has happened?"

Norzi said this at a press conference attended by the 30 PPBM members in Bandar Seri Alam.

He said the press conference was not to announce their resignation from the party, but to demand the resignation of the party leadership.

"My friends and I have lost faith in the president's leadership.

"I demand that Tan Sri (Muhyiddin), the secretary general and the state secretary resign immediately."

The press conference was interrupted when several groups, believed to be from the same division, came and asked a few questions.

Last month, the party named its Parit Sulong chief, Datuk Che Zakaria Mohd Salleh, as the candidate for the Pasir Gudang parliamentary seat.



# Bina PPR atasi masalah setinggan

PASIR GUDANG - Kerajaan negeri akan terus bekerjasama dengan kerajaan pusat bagi membina lebih banyak projek Program Perumahan Rakyat (PPR) di negeri ini jika BN terus diberikan mandat selepas PRU14.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, terdapat banyak lagi tanah-tanah Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ) yang boleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bangunkan PPR.

Menurutnya, menjadi matlamat kerajaan negeri untuk membina seberapa banyak rumah mampu milik untuk rakyat, sekali gus mengatasi masalah setinggan di kawasan bandar.

"Memang matlamat kerajaan negeri nak sediakan seberapa banyak rumah mampu milik tapi pada masa sama memberi peluang kepada kita untuk merancang secara bersama untuk mengatasi banyak kawasan setinggan yang masih lagi terdapat di Johor.

"Saya nampak satu cara untuk mengatasi isu masalah pembangunan semula kawasan setinggan ialah dengan membina rumah PPR ini," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Pecah Tanah Projek Program Perumahan Rakyat (PPR) Permas Jaya, di sini, semalam.

PPR Permas jaya melibatkan pembinaan 400 unit rumah mampu milik atas tanah berkeluasan 3.2 hektar milik KPRJ.

Katanya, dengan sokongan kerajaan pusat menerusi KPKT, kerajaan negeri percaya harga ditawarkan untuk PPR itu mampu dimiliki oleh kelompok setinggan yang terdapat dalam kawasan bandar.

"Kita ada beberapa lagi kawasan setinggan dalam kawasan Iskandar Puteri atau dalam kawasan daerah Johor Bahru ini.

"Tadi saya beritahu dengan KPRJ mungkin ini satu pendekatan yang baik dan kita akan bina banyak lagi PPR di atas tanah KPRJ yang boleh kita bantu untuk menyelesaikan masalah setinggan," katanya.

Beliau berkata, dengan kolaborasi tersebut, kerajaan negeri percaya boleh merealisasikan matlamat untuk mewujudkan setinggan sifar di dalam daerah Johor Bahru pada masa akan datang.




Mohamed Khaled menyempurnakan majlis pecah tanah PPR Permas Jaya, semalam.

# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG
11 MEI 2018
JUMAAT

| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
|---|---|---|
| HARIAN METRO | 'SEMUANYA ADA HIKMAH' | 2 |
| SINAR HARIAN | 'SELAMAT MAJU JAYA' | 3 |



# HARIAN METRO

11/5/18 4m.

HARIAN METRO

## 'Semuanya ada hikmah'



MOHAMED Khaled pada sidang akhbar selepas kekalahan Barisan Nasional (BN) Johor pada PRU14 di Pejabat Perhubungan UMNO Negeri Johor, semalam.

**Pasir Gudang:** Bekas Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berterima kasih kepada semua atas mandat yang diberikan selama lima tahun.

Beliau akur dengan keputusan Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) dan sebagai ahli politik, beliau bersedia dengan sebarang keadaan.

"Apa pun kita terima. Sebagai orang politik, saya pun sentiasa bersedia untuk apa juga keadaan sebab perjuangan ini adalah sebagai satu sumbangan khidmat kepada masyarakat.

"Saya akan adakan sidang media pagi ini (Khamis) untuk maklumkan Barisan Nasional (BN) tidak berjaya di Johor dan maknanya pihak pembangkang akan mewujudkan kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di Pejabat UMNO Bahagian Pasir Gudang di sini, awal pagi semalam.

Mohamed Khaled berkata, semua yang berlaku mempunyai hikmah dan beliau mendoakan kesejahteraan semua rakyat di negeri itu.

"Jadi, kita kena terima, negara ini negara demokrasi. Saya percaya semuanya tentu ada hikmah dan kita akan terus bersama dan doakan tuan-tuan dan puan-puan semua terus selamat dalam lindungan Allah.

"Sebagai mantan Menteri Besar, saya mengucapkan terima kasih kepada semua, lima tahun adalah satu jangka masa yang sangat sarat, kita tak pernah berhenti untuk bangun dan majukan Johor," katanya.

# SINAR HARIAN





EDITOR: HAFEZDZULLAH MOHD HASSAN PENOLONG EDITOR: MEGAT ABDUL HALIM & JULIANA ROSDI

## 'Selamat maju jaya'

*BN Johor beri kerjasama jamin proses peralihan kuasa berjalan lancar*

AZLINA OTHMAN

JOHOR BAHRU

BN Johor akan memberi kerjasama bagi memastikan proses peralihan kuasa kerajaan negeri kepada Pakatan Harapan (Harapan) berjalan lancar.

Pengerusinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, beliau berharap kerajaan baharu yang bakal dibentuk dapat mentadbir dengan baik untuk kepentingan rakyat dan seluruhnya.

"Saya dan seluruh pasukan akan memberikan kerjasama sehabis baik untuk memastikan peralihan kerajaan negeri dapat berjalan dengan lancar, segera dan tenang.

"Saya ucapkan selamat maju jaya kepada kerajaan negeri Johor yang baharu. Semoga dapat memberikan yang terbaik untuk kepentingan negeri dan seluruh Bangsa Johor," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media khas di Pejabat Perhubungan Umno Johor, di sini, semalam.

Mohamed Khaled berkata, pihaknya menerima keputusan PRU14 dengan hati yang terbuka.

"BN Johor sudah bekerja kuat dan sehabis baik dalam pelbagai aspek bagaimanapun rakyat telah membuat keputusan.

"Namun, saya percaya suara demokrasi rakyat harus dihormati dan kita akan beri komitmen untuk menghormati keputusan itu," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut mengucapkan tahniah kepada Harapan kerana berjaya membentuk kerajaan negeri.




Mohamed Khaled dan Setiausaha BN Johor, Datuk Md Jais Sarday (kiri) ketika sidang akhbar BN Johor selepas kalah pada PRU14, semalam.

**KERUSI PRU14** SPR

| | |
|---|---|
| **PARLIMEN / 26** | |
| | 18 |
| | 8 |
| | 0 |
| **DUN / 56** | |
| | 36 |
| | 19 |
| | 1 |



# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG
12 MEI 2018
SABTU

| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
|---|---|---|
| SINAR HARIAN | ‘TERIMA KASIH BANGSA JOHOR’ | 2 |



# SINAR HARIAN

12/5/18
S/H

## 'Terima kasih Bangsa Johor'

**JOHOR BAHRU** - Pengerusi BN Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berharap rakyat akan beri sokongan yang sama atau lebih baik kepada pasukan kerajaan negeri baharu yang bakal dibentuk oleh Pakatan Harapan (Harapan).

Katanya, beliau mahu rakyat di negeri ini tunjukkan komitmen serta dedikasi yang tidak berbelah bahagi.

"Sokonglah sebarang usaha baik demi kepentingan dan kemajuan negeri Johor.

"Sudah menjadi budaya dan amalan kita Bangsa Johor untuk sentiasa menyokong dan memberi nilai tambah kepada segala usaha yang berupaya membawa kebaikan kepada masyarakat dan negeri Johor," katanya sebagaimana dipetik berkata dalam akaun Facebook miliknya, di sini, semalam.

Mohamed Khaled berkata, beliau dan seluruh pasukan BN Johor mengucapkan terima kasih atas segala sokongan yang diberikan oleh semua pihak sepanjang lima tahun lepas.

"Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas sokongan yang padu kepada semua pihak.

"Saya sangat menghargai sokongan baik daripada semua pihak selama ini," katanya.

Menurutnya, sepanjang lima tahun diberikan mandat, beliau tidak akan berjaya tanpa kerjasama dan sumbangan daripada semua Bangsa Johor.

"Penggal tersebut tidak akan membuahkan kejayaan dan pelbagai pencapaian yang besar tanpa komitmen, kerjasama dan sumbangan semua Bangsa Johor.

"Tidak kiralah dalam sektor apa sekalipun, saya yakin semua bangsa Johor atas kapasiti dan fungsi masing-masing sehinggakan pelbagai inisiatif yang diusahakan telah berjaya dilaksanakan dengan lancar dan mengikut perancangan," katanya



Ucapan Mohamed Khaled dalam akaun FB miliknya.



# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

## KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

13 MEI 2018
AHAD

| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
|---|---|---|
| THE STAR | 'BANGSA JOHOR WILL BE UPHELD' | 2 |
| KOSMO | OSMAN ANGKAT SUMPAH MENTERI BESAR JOHOR | 3 |
| HARIAN METRO | OSMAN MB JOHOR | 4 |
| SINAR HARIAN | OSMAN SAPIAN DILANTIK MB JOHOR KE-16 | 5 |
| SINAR HARIAN | TUNGGU PERKENAN SULTAN JOHOR | 6 |



# THE STAR

# 'Bangsa Johor will be upheld'

13/5/18

## Concept was created for all Johoreans, says new MB

By ZAZALI MUSA
zaza@thestar.com.my

JOHOR BARU: Newly minted Mentri Besar Datuk Osman Sapian, 67, said his administration would uphold the "Bangsa Johor" concept.

Osman, who is the 16th Johor Mentri Besar, said the term was not created by Barisan Nasional or Umno and was for all Johoreans.

"Even our state anthem is Bangsa Johor," he told reporters after taking his oath of office before Johor Ruler Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, at Istana Bukit Serene.

Osman said his first task was to suggest candidates to fill the positions of 10 executive councillors, the Speaker and the Deputy Speaker to His Majesty.

The Johor Parti Pribumi Bersatu Malaysia secretary won the Kempas seat on May 9 and is taking over the helm from predecessor Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, who lost the Pasir Gudang parliamentary and Permas state seats.

Osman received 21,137 votes, beating Datuk Ramlee Bohani from Barisan who got 11,959 votes and Dzulkifli Sulaiman from PAS who got 2,321 votes.

Osman added that Johor Pakatan did not hold grudges against the previous state government.

He also said the *Muafakat Johor* tagline coined by Khaled would be replaced by *Harapan Johor*.

Osman was born in Segamat on Dec 25, 1951 and is married to Datin Nora Md Som, 70.

They have seven children, four boys and three girls.

He holds a degree in accountancy from Universiti Pertanian Malaysia and was previously the deputy manager at DNC Bank Bhd and Tan Chong Motor Holdings Bhd.

He served three-terms as Kempas assemblyman from 1999 to 2012 while in Umno.

Also present at the ceremony were the Tunku Mahkota Johor Tunku Ismail Sultan Ibrahim and Tunku Panglima Johor Tunku Abdul Rahman Sultan Ibrahim.




**It's official:** Osman receiving his credentials from Sultan Ibrahim during the swearing-in ceremony at Istana Bukit Serene, Johor Baru. — Photo provided by Royal Press Office

### The Mentri Besar of Johor

**Datuk Osman Sapian**



Datuk Osman Sapian

**Age:** 67
**Date of birth:** Dec 25, 1951
**Birthplace:** Segamat
**Spouse:** Datin Nora Md Som, 70
**Children:** Seven
**Education:**
> Degree in Accountancy, UPM
**Career:**
> 2018: Kempas assemblyman
> 2016: Joined Parti Pribumi Bersatu Malaysia
> 1999-2012: Kempas assemblyman
> 1988: Joined Umno
> 1977: Contested the Pontian parliamentary seat
> 1974: Parti Sosialis Rakyat Malaysia Youth Chief

©The Star Graphics



# KOSMO

# Osman angkat sumpah Menteri Besar Johor

13/5/18
kosmo

**JOHOR BAHRU** – Setiausaha Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) negeri Johor, Datuk Osman Sapian dilantik menjadi Menteri Besar Johor selepas mengangkat sumpah di Istana Bukit Serene di sini semalam.

Majlis angkat sumpah Menteri Besar ke-16 itu berlangsung penuh istiadat di Balai Menghadap Istana di hadapan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar.

Turut berangkat pada majlis berkenaan ialah Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail; Tunku Panglima Johor, Tunku Abdul Rahman; Tunku Putera Johor, Tunku Abu Bakar serta kerabat diraja yang lain.

Osman, 67, yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kempas berkata, beliau komited untuk



OSMAN mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Johor yang baharu di Istana Bukit Serene, Johor Bahru semalam.

melaksanakan janji-janji yang telah diumumkan Pakatan Harapan (PH) dalam tempoh 100 hari memerintah kerajaan negeri.

"Dalam majlis angkat sumpah di Istana Bukit Serene, baginda (Sultan Ibrahim) mengarahkan saya menjalankan tugas dengan jujur, ikhlas dan berintegriti, jauhkan daripada amalan-amalan tidak dikehendaki seperti rasuah dan sebagainya," katanya.

Beliau yang dilahirkan di Segamat berkata demikian pada sidang akhbar di Hotel Thistle di sini semalam.

Osman berkata, kerajaan negeri akan melantik sepuluh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) dan mereka mengangkat sumpah pada 15 Mei ini.

"Ini perkara yang harus kita selesaikan terlebih dahulu sebelum majlis angkat sumpah Exco," katanya.

Osman menjadi Menteri Besar menggantikan Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Beliau mula berkecimpung dalam arena politik sejak tahun 1974 dengan menjadi Ketua Pemuda Sosialis Rakyat Malaysia sebelum menjadi ahli UMNO dan ahli Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM).

PH memenangi 36 kerusi berbanding Barisan Nasional (19) dan Pas (1) sekali gus menang majoriti mudah untuk membentuk kerajaan baharu.

## INFO Menteri Besar Johor

**DATUK OSMAN SAPIAN**

**Tarikh lahir:** 24 Disember 1951

**Tempat lahir :** Segamat, Johor

**Isteri:** Datin Nora Md. Sor

**Anak:** Empat lelaki dan tiga perempuan

**Pendidikan:** Sekolah Menengah Tengku Mahmud Iskandar,Pontian, Johor 1985, Sekolah Menengah Dato Penggawa Barat, Pontian, Johor; Sekolah Menengah Sultan Ismail, Johor Bahru

Diploma dalam bidang perakaunan di Universiti Pertanian Malaysia (UPM) sebelum menyambung Ijazah Sarjana Muda Perakaunan di universiti sama

**Penglibatan politik:**

Setiausaha Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Negeri Johor (2016-kini)

Menjadi ahli PPBM pada 2013

Menyertai UMNO pada 1988

# HARIAN METRO

13/5/18
H/M




SULTAN Ibrahim menyampaikan watikah pelantikan kepada Osman sebagai Menteri Besar Johor yang ke-16, semalam.

## OSMAN MB JOHOR

### ADUN Kempas angkat sumpah jawatan Menteri Besar ke-16

Mohd Sabran Md Sani
sab@nstp.com.my

**Johor Bahru**

Teka teki berhubung calon Menteri Besar Johor terjawab apabila Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kempas, Datuk Osman Sapian mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Johor ke-16 di hadapan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar di Istana Bukit Serene, Johor Bahru di sini, semalam.

Setiausaha Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Johor itu menerima watikah pelantikan dan melafazkan sumpah menyandang jawatan dalam upacara yang berlangsung di Balai Menghadap, Istana Bukit Serene.

Turut berangkat, Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim dan anakanda Sultan Johor serta suami Tunku Tun Aminah Maimunah Iskandariah Sultan Ibrahim, Dennis Muhammad Abdullah.

Turut hadir Pengerusi PKR Johor, Hassan Karim dan Presiden Parti Amanah (Amanah) Johor, Aminolhuda Hassan.

Menerusi Facebok (FB) rasmi Sultan Johor dalam titahnya bersedia bekerjasama dengan Menteri Besar dan memberi nasihat dari semasa ke semasa.

Baginda turut mengingatkan Osman supaya menjalankan tugas diamanahkan dengan bersungguh-sungguh dan memastikan Bangsa Johor sentiasa bersatu.

Osman, 67, menggantikan Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dari Barisan Nasional (BN) sebagai Menteri Besar selepas Pakatan Harapan (PH) merampas Johor dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

PH mendapat mandat membentuk kerajaan negeri selepas memenangi 36 kerusi DUN Johor, manakala BN mendapat 19 kerusi dan PAS dengan satu kerusi.



# SINAR HARIAN

13/5/18
SH

## Osman Sapian dilantik MB Johor ke-16

**JOHOR BAHRU** - Setiausaha Pakatan Harapan Johor, Datuk Osman Sapian, 67, dilantik sebagai Menteri Besar Johor ke-16, semalam.

Lantikan berkenaan dibuat setelah Adun Kempas mewakili Bersatu itu mengangkat sumpah di hadapan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar pada jam 3.06 petang di Balai Mengadap, Istana Bukit Serene, di sini.

Berangkat sama, Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim dan paduka-paduka anakanda serta suami kepada Tunku Tun Aminah Maimunah Iskandariah Sultan Ibrahim, Encik Dennis Muhammad Abdullah.

Sementara itu, Sultan Ibrahim dalam titahnya bersedia bekerjasama dengan menteri besar dan memberi nasihat dari masa ke semasa.

Baginda turut mengingatkan Osman menjalankan tugas diamanahkan dengan bersungguh-sungguh dan memastikan Bangsa Johor sentiasa bersatu.

Osman menggantikan Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin daripada BN selepas Pakatan Harapan (Harapan) mendapat majoriti Dun dalam PRU14.

Harapan mendapat mandat membentuk kerajaan negeri selepas memenangi 36 kerusi Dun Johor manakala BN mendapat 19 kerusi dan Pas satu kerusi.

Osman sebelum ini pernah menyandang jawatan sebagai Adun BN Kempas selama tiga penggal sebelum digugurkan daripada bertanding pada 2013.



Osman mengadap Sultan Ibrahim untuk angkat sumpah menteri besar.

# SINAR HARIAN



Sinar JOHOR Ayuh Johor!

EDITOR: HAFEZDZULLAH MOHD HASSAN PENOLONG EDITOR: MEGAT ABDUL HALIM & JULIANA ROSDI

# Tunggu perkenan Sultan Johor

*Johor jangka umum barisan Exco Kerajaan Negeri 15 Mei nanti*

SHAFIQ TINO

JOHOR BAHRU

Pengumuman dan lantikan barisan Exco serta Speaker Kerajaan Negeri akan dibuat pada Majlis Angkat Sumpah Adun Negeri Johor pada 15 Mei nanti.

Menteri Besar, Datuk Osman Sapian berkata, perkara itu berikutan pihaknya perlu mengadakan perbincangan lanjut bersama parti komponen Pakatan Harapan (Harapan) terlebih dahulu.

Katanya, ia juga perlu menjalani proses perkenan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar.

"Semuanya sudah selesai, saya pun dah boleh masuk pejabat secara rasmi Isnin ini. Perkara pertama yang perlu diselesaikan dalam masa terdekat adalah pemilihan 10 Exco, speaker dan timbalan speaker.

"Semua ini kita kena buat sebelum 15 Mei kerana selain mendapat persetujuan parti, perkenan Sultan Ibrahim pula adalah yang paling penting. Sebab 15 Mei itu sempena Majlis Angkat Sumpah Adun akan dibuat di Istana Besar Johor," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Angkat Sumpah sebagai Menteri Besar Johor di hadapan Sultan Ibrahim yang diadakan di Balai Mengadap, Istana Bukit Serene, di sini, semalam.

Osman berkata, pemilihan Exco juga akan dilakukan mengikut asas yang dibuat dilaksanakan kerajaan pimpinan Harapan peringkat persekutuan namun tidak akan lari daripada kuota yang ditetapkan perlembagaan negeri.

"Jadi untuk majlis angkat sumpah Adun itu kita akan serahkannya kepada jurutalis. Saya akan berbincang dengan pengerusi parti komponen dalam Harapan dan saya sendiri akan fikirkan sebagaimana pembahagian yang ditetapkan itu mengikut kuota.

"Saya ada senarai sendiri tetapi ia perlukan persetujuan semua pimpinan dan perlu mendapat perkenan Sultan Ibrahim," katanya.



Osman bersama Sultan Ibrahim, Tengku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim dan Tunku Panglima Johor, Tunku Abdul Rahman Hassanal Jefri Sultan Ibrahim selepas majlis angkat sumpah MB.

**info** Fokus pada janji 100 hari Harapan

Bagaimanapun, beliau berkata, keputusan akhir barisan Exco Kerajaan Negeri terletak di tangan Sultan Ibrahim.

Sementara itu, beliau berkata, fokus utama selepas pemilihan pimpinan kerajaan negeri adalah memastikan manifesto 100 hari Harapan dapat dijalankan dengan sebaiknya.

"Sultan Ibrahim pun dah berpesan untuk kita segerakan perkara ini dan tidak menunggu lama kerana kita ada kerja dan tanggungjawab yang perlu dilakukan.

"Paling penting sekarang adalah janji Harapan yang 100 hari itu kita kena laksanakan untuk memberikan keyakinan kepada rakyat terhadap parti kita," katanya.

# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG
14 MEI 2018
ISNIN

| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
|---|---|---|
| HARIAN METRO | HARAP TADBIR IKUT ‘ACUAN JOHOR’ | 2 |

# HARIAN METRO

HM 14/5/18

## Harap tadbir ikut 'acuan Johor'

**Johor Bahru:** Rakyat Johor mahu Menteri Besar, Datuk Osman Sapian yang baru dilantik menerajui kepimpinan negeri ini meneruskan agenda pembangunan negeri tanpa mengenepikan keperluan rakyat secara keseluruhannya.

Biarpun diterajui pimpinan Pakatan Harapan (PH), kerajaan baru dibentuk itu diharap memastikan negeri ini ditadbir urus dengan baik mengikut 'acuan Johor'.

Pada masa sama janji terkandung dalam manifesto Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) perlu ditunaikan demi kesejahteraan rakyat di negeri ini.

Penduduk Pasir Gudang, Norizah Nordin, 39, berkata, rakyat Johor sentiasa terbuka dan menyambut baik pemilihan Menteri Besar baru dalam mentadbir negeri ini.

"Apa yang penting, rakyat sudah pun memilih kerajaan negeri baru dan siapa saja dipilih untuk menerajui negeri ini kita harus terima dengan hati terbuka.

"Kami mengharapkan agenda pembangunan negeri dan rakyat diteruskan dan menambah baik mana yang perlu demi kesejahteraan bersama," katanya.

Suri rumah itu berkata, ruang harus diberikan kepada pemimpin negeri baru itu untuk menerajui negeri ini, memandangkan tempoh perkhidmatannya masih baru.

"Kami menyambut baik apa saja pembangunan dilaksanakan, malah berharap manifesto dijanjikan pada PRU14 ditunaikan," katanya.



OSMAN



# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

## KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

19 MEI 2018
SABTU

| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
|---|---|---|
| SINAR HARIAN | PENGGUNA MAHU UTC KEKAL WALAUPUN TUKAR KERAJAAN | 2 |



# SINAR HARIAN

SABTU 19 MEI 2018 • SINAR HARIAN




Logo 1 Malaysia di UTC Pasir Gudang masih utuh dan tidak dicabut.

## Pengguna mahu UTC kekal walaupun tukar kerajaan

**JOHOR BAHRU** - Projek Pusat Transformasi Bandar (UTC) yang dibangunkan sejak beberapa tahun lalu menerusi inisiatif Strategi Lautan Biru (NBOS) diilhamkan BN diharap dapat dikekalkan.

Hal itu berikutan perubahan pentadbiran kerajaan persekutuan dan negeri yang didominasi Pakatan Harapan (Harapan) selepas memperoleh majoriti mudah dalam PRU14 lalu.

Bagi penjual kereta, Ungku Muzafar Ungku Mansoor, 44, UTC banyak memudahkan urusan terutama dalam menyelesaikan pertukaran hak milik dan memperbaharui insurans kenderaan.

"Kalau boleh UTC ini dikekalkan dan tidak perlu dihentikan sebab beri banyak kemudahan kepada masyarakat. Nak buat kad pengenalan senang, pasport, semua senang.

"Macam saya pula, urusan kereta dan perbaharui insuran kenderaan, semuanya dalam satu tempat jadi mudahkan kerja lagipun UTC dibuka ketika hujung minggu," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* di UTC Galeria Kotaraya, di sini, semalam.

Sementara itu, seorang lagi pengguna UTC, S Kumaresan, 34, berkata, perkara paling digemarinya ketika mendapat perkhidmatan di UTC adalah tidak perlu menunggu lama seperti bangunan kerajaan lain.

"Sini senang, semua sekali ada di satu tempat. Yang paling seronok adalah tempoh perkhidmatan yang lama sehingga malam. Jadi kalau tidak sempat sebab siang bekerja, masih ada waktu malam.

"Lagi satu, layanan baik serta tidak perlu menunggu lama. Kita duduk sekejap saja sebab banyak kaunter dibuka. Beza kalau kita memang pergi bangunan agensi itu contohnya Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) atau jabatan pendaftaran ramai dan sesak," katanya.

Tinjauan *Sinar Harian* di dua lokasi UTC iaitu Galeria Kota Raya dan Pasir Gudang, semalam mendapati tiada sebarang gangguan yang berlaku malah urusan dijalankan seperti biasa.

# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG
21 MEI 2018
ISNIN

| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
|---|---|---|
| HARIAN METRO | 'KAMI DAH LALI KEADAAN JALAN ROSAK' | 2 |



# HARIAN METRO

Pasir Gudang HM 21/05/2018

## 'Kami dah lali keadaan jalan rosak'

Penduduk setempat yang sering menggunakan Lebuhraya Pasir Gudang, dekat sini, seakan sudah lali dengan keadaan jalan rosak dan berlubang yang berulang kali diperbaiki mahupun hanya ditampal permukaannya.

Tinjauan di sepanjang laluan Masai Utama, Lebuhraya Pasir Gudang, dekat sini, mendapati keadaan jalan raya yang bukan sahaja tidak rata dan bertampal, malah ada kesan berlubang di tengah jalan yang pastinya sukar dilihat dari jarak jauh.

Laluan bermasalah di sepanjang kira-kira enam kilometer dari lebuh raya kawasan Seri Alam menghala ke Pasir Gudang itu, didapati ada sahaja motosikal hampir terlanggar lubang berkenaan, ditambah lagi dengan sepanjang minggu cuaca hujan lebat terutama pada waktu petang menyebabkan air bertakung di jalan.



KEADAAN jalan berlubang yang dikhuatiri menjejaskan pengguna jalan raya.

# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

## KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

23 MEI 2018
RABU

| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
|---|---|---|
| SINAR HARIAN | BEBERAPA PROJEK DI JOHOR DIKAJI SEMULA | 2 |
| KOSMO | DERITA KANSER HATI TAHAP EMPAT | 3 |



SINAR HARIAN

# Beberapa projek di Johor dikaji semula

SINAR 23/5/2018

**PASIR GUDANG** - Beberapa projek di Johor yang belum mendapat perakuan surat setuju terima daripada Kementerian Kewangan akan dikaji semula sehingga mendapat arahan seterusnya.

Projek berkenaan termasuk pembinaan Hospital Pasir Gudang di Bandar Seri Alam yang dimaklumkan kerajaan sebelum ini akan memulakan pembangunannya tahun ini.

Exco Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan Negeri, Mazlan Bujang berkata, kajian semula itu juga bertujuan untuk memastikan rakyat menerima manfaat menerusi langkah penjimatan yang ingin dilakukan.

"Kita menerima arahan daripada persekutuan untuk mengkaji semula beberapa projek terutamanya yang belum lagi mendapat surat setuju terima daripada Kementerian Kewangan.

"Jadi beberapa projek ini termasuk Hospital Pasir Gudang kita akan kaji semula bagi membolehkan lebih perincian dibuat. Ia juga bagi membolehkan tender terbuka dilaksanakan sekali gus membantu kerajaan menjimatkan sehingga 10 peratus daripada kos pembinaan asalnya yang bernilai RM500 juta," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Sesi Taklimat dan Lawatan Exco Kerja Raya berkenaan Projek Menaiktaraf Lebuhraya Pasir Gudang, di Bandar Seri Alam, di sini, semalam.

Mazlan berkata, bagaimanapun senarai projek yang ingin dikaji semula itu masih belum boleh didedahkan selain Hospital Pasir Gudang.

Dalam masa sama, berhubung perkembangan terkini projek naik taraf yang sedang berlaku di Lebuhraya Pasir Gudang, beliau berkata, pembangunan bagi Fasa 2A projek terbabit kini sudah menjangkau 86 peratus siap.



Mazlan (duduk, tengah) ketika sidang media berkenaan.



# KOSMO



Pasangan suami isteri cari jalan ubati penyakit dihidapi anak tunggal mereka

## Derita kanser hati tahap empat

Oleh SHARKAWI LONDING

Sinar Ramadan

JOHOR BAHRU – Sepasang suami isteri terpaksa menempuh dugaan berat dalam kehidupan apabila anak tunggal mereka menderita kanser hati tahap empat.

Bagi pasangan Kamarul Ariffin Md. Yusof, 29, dan Zuriana Mohd. Raffi, 28, dari Bandar Seri Alam, Pasir Gudang dekat sini, mereka kini lebih memikirkan usaha untuk memulihkan kesihatan Intan Maisara yang berusia lapan bulan.

Menurut Zuriana, Intan Maisara terpaksa melawan penyakit *billiary atresia* atau hempedu kecil sehingga menyebabkan barah hati.

"Saya melahirkan Intan secara pembedahan dan ketika itu dia dalam keadaan normal sebelum klinik di Pasir Gudang mendapati perut anak saya membesar selain mata kuning ketika usia enam bulan.

"Intan kemudiannya dirujuk kepada doktor pakar kanak-kanak di Hospital Sultan Ismail (HSI) di sini dan dia disahkan menghidap barah hati," katanya kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

Zuriana memberitahu, akibat penyakit itu, keadaan fizikal Intan Maisara tidak seperti kanak-kanak normal lain apabila perutnya kembung, mata kekuningan dan perlu bergantung kepada minuman susu rumusan khas.

Menurutnya, selain temu janji di HSI dua bulan sekali untuk rawatan susulan, dia tetap mencari jalan bagi menyembuhkan anak tunggalnya menerusi kaedah perubatan Islam.

"Doktor cakap kanser anak saya sudah tahap empat, hendak buat rawatan pun dalam 50-50. Saya reda dengan ketentuan ini tetapi saya tetap berusaha untuk menyembuhkan penyakit Intan.

"Ramadan kali ini kami sambut ala kadar dan raya pun tidak seindah orang lain, apa yang kami mahu adalah anak saya pulih seperti kanak-kanak lain," ujarnya.

Suri rumah itu memberitahu, suaminya bekerja sebagai tukang cuci kenderaan dengan pendapatan kurang RM1,300 sebulan dan jumlah itu tidak mencukupi untuk menyara kehidupan mereka sekeluarga selain kos perubatan Intan Maisara.

Orang ramai yang ingin menghulurkan bantuan boleh menghubungi Zuriana di talian **011-1768 1471.**



ZURIANA mendukung Intan Maisara yang menghidap kanser hati di samping suaminya di Bandar Seri Alam, Pasir Gudang baru-baru ini.



# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG
24 MEI 2018
KHAMIS

| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
|---|---|---|
| THE STAR | MAZLAN : JOHOR TOLD TO REVIEW PASIR GUDANG HOSPITAL PROJECT | 2 |



# THE STAR

STAR 24/5/18

## Mazlan: Johor told to review Pasir Gudang Hospital project

By NABILA AHMAD
newsdesk@thestar.com.my

**JOHOR BARU:** Several projects in the state, including the Pasir Gudang Hospital in Bandar Seri Alam here, will be reviewed to reduce the country's high debt.

Johor Works, Infrastructures and Transport executive councillor Mazlan Bujang said the Finance Ministry issued letters asking for these projects to be reviewed due to the country's alarming debt of RM1tril.

"The selected projects will be revised soon, especially the ones that are yet to receive the letter of acceptance," he said at a press conference here, adding that the Pasir Gudang Hospital project would be reviewed in order to implement open tenders for the contractors.

"The move will help the Government save up to 10% of the project, which is worth RM500mil," he said.

The hospital project was a highly controversial one during GE14 as it was one of the issues raised by the then Opposition.

Mazlan also briefed the press on the upgrading works of the Pasir Gudang Highway.

He said the second phase (Phase 2A) of the project, from Plentong to Seri Alam/Taman Rinting here would be completed by September.

"Phase 2A includes expanding the road from four lanes to six, for some 7.7km," he said, adding that the contract was worth RM159,444,704.

He added that the detailed work scope for the phase included traffic management, health and safety for the workers as well as maintenance works.

The project consists of four phases – Phase One that spans 8km, Phase 2A (7.7km), Phase B (5km) and Phase Three (7km).



Mazlan (third from left), Johor Works Department director Mohamad Salleh Abu Bakar (right), Tebrau MP Steven Chong (second from left) and Permas assemblyman Che Zakaria Mohd Salleh looking at the Pasir Gudang Highway plan.



# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

## KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

24 MEI 2018
KHAMIS

| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
|---|---|---|
| SINAR HARIAN | 200 DIBANTU YAYASAN PASIR GUDANG | 2 |

# SINAR HARIAN

SINAR HARIAN 27 MEI 2018




Hasrin (lima, kanan) bersama antara penerima sumbangan.

## 200 dibantu Yayasan Pasir Gudang

**PASIR GUDANG** - Yayasan Pasir Gudang menyampaikan sumbangan kepada 200 penerima bagi meringankan beban sempena bulan Ramadan.

Timbalan Pengerusinya, Hasrin Kamal Hashim berkata, kesemua penerima terdiri daripada golongan fakir miskin, keluarga kurang berkemampuan, anak yatim dan ibu tunggal.

"Penerima-penerima ini juga merupakan mereka yang diberi perhatian oleh Yayasan Pasir Gudang bagi meringankan beban menjalani keperluan bulan Ramadan.

"Penerima adalah 140 orang daripada komuniti Melayu, 25 orang daripada komuniti Cina, 25 orang daripada komuniti India serta 10 orang daripada masyarakat Sabah, Sarawak dan lain-lain," katanya pada Majlis Sumbangan Ramadan Al-Mubarak di Dewan Serbaguna Taman Scientex di sini, kelmarin.

Hasrin yang juga Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) berkata, Yayasan Pasir Gudang memperuntukkan RM40,000 bagi menyampaikan sumbangan tersebut kepada penerima terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan latar belakang.

"Ini menunjukkan bahawa sebagai Bangsa Johor yang mementingkan perpaduan kaum dan kemaslahatan umum.

"Seperti hari ini, mereka yang bukan beragama Islam juga diberi peluang untuk memahami dan merasai nikmat Ramadan dan Syawal yang bakal menjelma," katanya.

Beliau berkata, setiap penerima memperoleh sumbangan berupa wang tunai RM100 dan barangan keperluan berjumlah RM100.

Selain itu, katanya, Yayasan Pasir Gudang ditubuhkan pada tahun 2013 selaras dengan hasrat kerajaan negeri.

"Satu peratus hasil daripada kutipan cukai MPPG diserahkan kepada yayasan setiap tahun.

"Selain itu, sumbangan daripada individu, korporat, swasta dan industri memainkan peranan penting bagi memastikan agenda kebajikan kepada rakuat sentiasa menjadi keutamaan," katanya.



# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG
31 MEI 2018
KHAMIS

| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
|---|---|---|
| HARIAN METRO | SENGSARA 10 TAHUN | 2 |



# SINAR HARIAN

*"Kita minta kontraktor bekerja pada waktu malam untuk mengelak kesesakan, mungkin ada kos tambahan dari segi pencahayaan"*
Mazlan



31-05-2018

31/5/18 HM

HARIAN METRO

Omar Ahmad
news@nstp.com.my

# Sengsara 10 tahun

## ■ 30,000 pengguna Lebuhraya Pasir Gudang-Johor Bahru mahu masalah jalan sesak, berlubang diatasi segera




KEADAAN kesesakan di Lebuh Raya Pasir Gudang dr Plentong ke Seri Alam akibat proses menaiktaraf lorong.

**Pasir Gudang**

Lebih 30,000 pengguna Lebuhraya Pasir Gudang-Johor Bahru di sini, merayu kerajaan negeri menyelesaikan masalah keselamatan dan keselesaan yang membelenggu mereka sejak lebih 10 tahun lalu.

Sebelum ini, lebuh raya terbabit sering berlubang hingga berlaku kejadian meragut nyawa penunggang motosikal dan merosakkan kenderaan lain.

Selain itu, lebuh raya yang dibina dua lorong sehala sejak lebih 30 tahun lalu dilihat tidak lagi mampu menampung jumlah pengguna harian.

Keadaan bertambah buruk, proses naik taraf fasa dua A membabitkan laluan sepanjang 7.7 kilometer dari Plentong-Seri Alam/Taman Rinting masih belum siap sepenuhnya.

Pengguna lebuh raya bukan saja berdepan dengan kesesakan luar biasa sehingga melebihi sejam malah berdepan laluan yang berlubang di sepanjang laluan menuju ke Pasir Gudang dan kawasan perindustrian.

Tinjauan mendapati terdapat kesan lubang yang sudah lama tetapi tidak diturap semula hingga membahayakan nyawa penunggang motosikal.

Pengguna lebuh raya, Mohd Razman Zulkifli, 46, berkata, memang ada projek pelebaran lorong dari empat kepada enam untuk dua hala tetapi buat masa ini, ia tidak memberi kesan terutama pada waktu puncak.

**FAKTA**

*Proses naik taraf fasa dua A membabitkan laluan dari Plentong-Seri Alam/Taman Rinting masih belum siap sepenuhnya*

Pekerja swasta, Mohd Khairul Mohd Ali, 35, yang tinggal di Taman Dahlia berkata, masalah jalan berlubang membahayakan keselamatan pengguna jalan raya terutama penunggang motosikal.

"Kita faham lubang ini terjadi disebabkan hujan atau banyak kenderaan berat lalu tetapi pihak bertanggungjawab perlu pastikan ia sentiasa diturap.

"Ada masanya saya perasan ada lubang sudah seminggu tak diturap dan saya harap kerajaan negeri dapat menjalankan tanggungjawab," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan negeri Mazlan Bujang berkata, pihaknya sudah meminta kontraktor yang menjalankan kerja naik taraf melakukan kerja itu pada waktu cuti dan malam.

Menurutnya, langkah itu boleh mengurangkan kesesakan walaupun terdapat kos tambahan lain.

"Kita minta kontraktor bekerja pada waktu malam untuk mengelak kesesakan, mungkin ada kos tambahan dari segi pencahayaan namun ia perlu dilakukan bagi memastikan keselesaan pengguna.

"Fasa dua A ini sudah 86 peratus siap dan dijangka siap sepenuhnya September ini," katanya.

